

**MCA dan Gerakan kembali sertai Kabinet Najib**  
**Malaysian Insider**  
**Jun 25, 2014**  
**Oleh Mohd Farhan Darwis**

Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak hari ini mengumumkan rombakan kecil Kabinet melalui penyertaan semula pemimpin parti komponen Barisan Nasional (BN) daripada Gerakan dan MCA apabila kedua-dua presiden parti itu dilantik ke dalam Kabinetnya.

Presiden MCA Datuk Seri Liow Tiong Lai dilantik sebagai menteri pengangkutan, menggantikan Datuk Seri Hishamuddin Hussein yang sebelum ini memegang jawatan berkenaan selepas Pilihan Raya Umum ke-13 (PRU13).

Sementara Presiden Gerakan Datuk Mah Siew Keong dan Timbalan Presiden MCA Datuk Dr Wee Ka Siong dilantik sebagai menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Najib ketika pengumuman di pejabatnya di Putrajaya hari ini turut melantik Naib Presiden MCA Senator Lee Chee Leong menjadi Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Miti), Datuk Chua Tee Yong menjawat jawatan Timbalan Menteri Kewangan dan Senator Datin Paduka Chew Mei Fun dilantik sebagai Timbalan Menteri Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat.

"Yang di-Pertuan Agong juga memperkenankan istiadat upacara mengangkat sumpah simpan rahsia di hadapan baginda pada Jumaat, 23 Jun jam 11.30 pagi di Istana Negara," kata Najib.

Najib juga yakin dengan rombakan ini akan menterjemahkan akujanji BN kepada rakyat.

Bekas Presiden MCA, Tan Sri Dr Chua Soi Lek sebelum ini berkata, parti itu akan menolak sebarang jawatan dalam kerajaan ekoran pencapaian merundum dalam PRU13 tahun lalu.

Beliau berkata keputusan tersebut dicapai dalam satu resolusi pada Mesyuarat Agung Luar Biasa (EGM) parti itu sebelum ini, yang memutuskan untuk tidak menerima sebarang jawatan Kabinet sekiranya parti itu mencapai kurang daripada 15 kerusi Parlimen seperti diperolehi pada PRU12 pada 2008.

Dalam PRU 13, MCA hanya memenangi tujuh kerusi Parlimen dan 11 kerusi negeri. Pada 2008, ia memenangi 15 kerusi Parlimen dan 32 kerusi negeri.

"Saya amat gembira wakil MCA mewakili kaum Cina dapat kembali ke dalam Kabinet, begitu juga dengan Gerakan.

"Mula-mula MCA kata mereka tidak mahu masuk dalam kerajaan tetapi kemudian mereka fikir semula dan perlu masuk ke dalam kerajaan," kata Najib pada sidang media tadi.

Najib bagaimanapun mengakui beliau tidak menyangka akan membentuk saiz Kabinet baru yang agak besar.

"Saya mula-mula tidak bercadang untuk Kabinet yang begini besar. Tetapi setakat ini tiada sesiapa sukarela keluar Kabinet, itu hanya jenaka," katanya.

"Tetapi ada sebab-sebab tertentu yang tidak dapat dielakkan," katanya lagi.

Tambahnya, saiz Kabinet bukanlah sesuatu yang menjadi masalah dalam membuat keputusan dan beliau berharap akan ada perbincangan yang bermakna dengan adanya Kabinet besar.

Beliau turut berkata, portfolio Wee dan Mah akan ditentukan selepas perbincangan bersama mereka.

"Kita akan bincang dengan kedua-dua menteri berkenaan dan akan agihkan kepada mereka bidang tanggungjawab mereka," katanya lagi. – 25 Jun, 2014.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/najib-tunai-janji-lantik-presiden-gerakan-jadi-menteri>